



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ministry of Education Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03-8884 6072
Faks: 03-8888 5124
Laman Web: www.moe.gov.my

Rujukan Kami : KP.BPM (S)1/07/001/01 Jld.38 (34)

Tarikh: 6 Jun 2016

Semua Setiausaha/Pengarah Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri
Semua Ketua Eksekutif Agensi
Kementerian Pendidikan Malaysia

SURAT PEKELILING ICT KPM BILANGAN 1 TAHUN 2016

GARIS PANDUAN TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL INISIATIF TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

TUJUAN

Surat Pekeliling Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ini bertujuan untuk menyediakan panduan kepada Bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Badan Berkanun di KPM untuk mendapatkan kelulusan teknikal perolehan ICT.

LATAR BELAKANG

2. Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015: Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Inisiatif Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam telah dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 11 November 2015. Surat Pekeliling Am ini merupakan garis panduan kepada semua agensi Sektor Awam untuk merujuk dan mendapatkan kelulusan dari segi teknikal bagi perolehan ICT daripada Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) yang berurus setia

SURAT PEKELILING ICT KPM BILANGAN 1 TAHUN 2016: GARIS PANDUAN TATACARA
PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL INISIATIF TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

di Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), JPM.

3. Selaras dengan ini, Surat Pekeliling ICT KPM Bilangan 1 Tahun 2016: Garis Panduan Tatacara Permohonan Kelulusan Teknikal Inisiatif Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Kementerian Pendidikan Malaysia disediakan berpandukan kepada Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015.

4. Manakala bagi Tadbir Urus Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Inisiatif ICT Bahagian, JPN dan Badan Berkanun di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia disediakan di dalam Pekeliling ICT KPM Bilangan 1 Tahun 2016: Tadbir Urus Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian Pendidikan Malaysia.

5. Semua Bahagian, JPN dan Badan Berkanun di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dikehendaki mematuhi Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Inisiatif ICT KPM dengan mengambil tindakan seperti yang berikut:

- (a) Semua Bahagian hendaklah memohon kelulusan teknikal perolehan inisiatif ICT daripada JPICT KPM;
- (b) Semua Agensi di bawah JPN hendaklah memohon kelulusan teknikal perolehan inisiatif ICT daripada JPICT JPN masing-masing;
- (c) Semua Badan Berkanun hendaklah memohon kelulusan teknikal perolehan inisiatif ICT daripada JPICT masing-masing; dan
- (d) Agensi di bawah KPM hendaklah memantau dan melaporkan kemajuan pembangunan inisiatif ICT yang telah diluluskan oleh JPICT KPM setiap bulan (mengikut keperluan) kepada JPICT KPM.



TAKRIFAN

6. Takrifan yang akan digunakan dalam Surat Pekeliling ICT ini adalah seperti berikut:

- (a) “Daya Maju Teknikal” merujuk kepada kualiti teknikal bagi memastikan keberkesanan dan kejayaan inisiatif ICT;
- (b) “Inisiatif ICT yang berimpak tinggi” merujuk kepada inisiatif ICT berorientasikan pelanggan/rakyat (*customer centric project*) yang mempunyai kompleksiti yang tinggi serta liputan penggunaan yang luas di pelbagai peringkat pengguna;
- (c) “Inisiatif Pembiayaan Swasta/Kerjasama Awam-Swasta” [PFI/PPP] merujuk kepada kaedah pembiayaan inisiatif ICT dibawah Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS), JPM;
- (d) “Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)” merujuk kepada JPN dan agensi-agensi di bawahnya;
- (e) “Pembangunan Inisiatif ICT” merujuk kepada tempoh pembangunan semua aktiviti perolehan inisiatif ICT dan/atau pembangunan sistem aplikasi sehingga inisiatif ICT selesai;
- (f) “Pelaksanaan Inisiatif ICT” merujuk kepada tempoh pengoperasian inisiatif ICT selepas pembangunan selesai;
- (g) “Pembangunan Inisiatif ICT” merujuk kepada tempoh pembangunan semua aktiviti perolehan inisiatif ICT dan/atau pembangunan sistem aplikasi sehingga inisiatif ICT selesai; dan
- (h) “Pengoptimuman Sumber” merujuk kepada kaedah dan proses konsolidasi sumber seperti perkongsian infrastruktur, integrasi sistem aplikasi dan perkongsian kepakaran untuk tujuan keberkesanan dan penjimatan kos.



SKOP DAN HAD NILAI KELULUSAN

7. Skop inisiatif ICT yang memerlukan kelulusan teknikal JPICT meliputi projek baharu, peningkatan sistem, pertambahan peralatan dan peluasan projek; dan
8. Had nilai permohonan perolehan inisiatif ICT mengikut peringkat kelulusan adalah seperti dalam Garis Panduan ini di Lampiran A.

PELAKSANAAN

9. Pelaksanaan permohonan kelulusan teknikal dan pemantauan inisiatif ICT hendaklah berpandukan Garis Panduan ini seperti di Lampiran 1 kepada Surat Pekeliling KPM Bilangan 1 Tahun 2016. Semua agensi di bawah KPM hendaklah mematuhi dasar sedia ada sebelum inisiatif ICT dilaksanakan.
10. Garis Panduan ini menjelaskan tatacara yang perlu dipatuhi oleh semua Bahagian, JPN dan Badan Berkanun di bawah KPM dalam memohon kelulusan teknikal inisiatif ICT serta pelaporan dan pemantauan inisiatif ICT seperti berikut:
 - (a) Tatacara permohonan merangkumi proses permohonan, skop dan had nilai permohonan inisiatif serta pendekatan pelaksanaan inisiatif ICT; dan
 - (b) Kekерapan pelaporan dan pemantauan kemajuan pembangunan dan pelaksanaan inisiatif ICT.

TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN TEKNIKAL JPICT

11. Tempoh sah laku kelulusan teknikal perolehan inisiatif ICT yang dikeluarkan oleh JPICT ialah tiga (3) tahun dari tarikh surat kelulusan.



PEMAKAIAN

12. Surat Pekeliling ICT KPM ini terpakai kepada semua Bahagian, JPN dan Badan Berkanun di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia bagi semua inisiatif ICT yang dibiayai oleh peruntukan kewangan Persekutuan atau PFI/PPP.

TARIKH KUAT KUASA

13. Surat Pekeliling ICT KPM ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMBATALAN

14. Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling ICT KPM Bilangan 1 Tahun 2016 ini, maka Surat Pekeliling ICT KPM Bilangan 1 Tahun 2014: Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Inisiatif ICT Bahagian, JPN dan Badan Berkanun di Kementerian Pendidikan dibatalkan.




PERTANYAAN

15. Sebarang pertanyaan mengenai Surat Pekeliling Am ini boleh dikemukakan kepada:

Urus Setia Jawatankuasa Pemandu ICT KPM (JPIC KPM),
Bahagian Pengurusan Maklumat,
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4, Blok E11, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Putrajaya.
No. Telefon : 03-8884 3500
No. Faksimile : 03-8889 5244
E-mel : urusetia.jpict@moe.gov.my

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

6 Jun 2016

SURAT PEKELILING ICT KPM BILANGAN 1 TAHUN 2016: GARIS PANDUAN TATACARA
PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL INISIATIF TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Salinan Luaran:

1. Ketua Pengarah MAMPU, JPM

Salinan Dalaman:

2. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
3. SUSK YB Menteri Pendidikan
4. SUSK YB Timbalan Menteri Pendidikan I
5. SUSK YB Timbalan Menteri Pendidikan II

SURAT PEKELILING ICT KPM BILANGAN 1 TAHUN 2016: GARIS PANDUAN TATACARA
PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL INISIATIF TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**Lampiran 1 kepada
Surat Pekeliling ICT KPM Bilangan 1 Tahun 2016**

**GARIS PANDUAN MENGENAI TATACARA
MEMOHON KELULUSAN TEKNIKAL DAN
PEMANTAUAN INISIATIF ICT BAHAGIAN, JABATAN
PENDIDIKAN NEGERI DAN BADAN BERKANUN DI
BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**Bahagian Pengurusan Maklumat
Kementerian Pendidikan Malaysia**

SURAT PEKELILING ICT KPM BILANGAN 1 TAHUN 2016: GARIS PANDUAN TATACARA
PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL INISIATIF TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	TUJUAN	1
2.	LATAR BELAKANG	1
3.	PENUBUHAN DAN PERANAN JPICT KPM	2
4.	PENUBUHAN DAN PERANAN JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT (JTI) KPM	3
5.	SKOP INISIATIF ICT YANG MEMERLUKAN KELULUSAN TEKNIKAL ICT	4
6.	PENGURUSAN NILAI	7
7.	JAMINAN KUALITI	8
8.	SISTEM APLIKASI PROFIL INISIATIF ICT (PROFIT)	8
9.	TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL INISIATIF ICT	8
10.	PEMANTAUN DAN PELAPORAN KEMAJUAN PEMBANGUNAN INISIATIF ICT YANG DILULUSKAN OLEH JPICT DAN/ATAU JTISA	12
11.	PEMANTAUAN DAN PELAPORAN KEMAJUAN PELAKSANAAN INISIATIF ICT YANG DILULUSKAN OLEH JPICT DAN/ATAU JTISA	12
12.	PENUTUP	13

SURAT PEKELILING ICT KPM BILANGAN 1 TAHUN 2016: GARIS PANDUAN TATACARA
PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL INISIATIF TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	PERKARA	MUKA SURAT
Lampiran A	Format Kertas Permohonan Kelulusan Teknikal Inisiatif ICT	17
	Jadual A: Senarai Perolehan ICT yang Dicadangkan	20
Lampiran B	Panduan Pendekatan Pelaksanaan Dan Ciri-Ciri Inisiatif ICT	21
Lampiran C	Had Nilai dan Peringkat Kelulusan Teknikal Inisiatif ICT	23

**GARIS PANDUAN TATACARA
MEMOHON KELULUSAN TEKNIKAL DAN PEMANTAUAN INISIATIF
ICT BAHAGIAN, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI DAN BADAN
BERKANUN DI BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

1. TUJUAN

Dokumen ini adalah untuk menerangkan tatacara bagi memohon kelulusan teknikal terhadap cadangan pelaksanaan inisiatif teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan inisiatif ICT yang perlu dipatuhi oleh semua Bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Badan Berkanun di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

2. LATAR BELAKANG

2.1. **Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015: Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam** telah menerangkan mengenai tatacara dan had nilai inisiatif ICT yang memerlukan kelulusan Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) atau Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian, JPN dan Badan Berkanun.

2.2. Selaras dengan surat pekeliling tersebut, KPM telah memperincikan tadbir urus JPICT KPM melalui Pekeliling ICT KPM Bilangan 1 Tahun 2016: Tadbir Urus Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian Pendidikan Malaysia dan tatacara memohon kelulusan teknikal ICT melalui Surat Pekeliling ICT KPM Bil. 1 Tahun 2016: Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Inisiatif ICT Bahagian, JPN dan Badan Berkanun di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang khusus untuk semua Bahagian, JPN dan Badan Berkanun di Kementerian.

- 2.3. Garis panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Inisiatif ICT Bahagian, JPN dan Badan Berkanun di bawah KPM menerangkan mengenai tatacara memohon kelulusan teknikal terhadap perolehan inisiatif ICT yang meliputi perolehan sistem, rangkaian, perkakasan, perisian, perkhidmatan ICT dan perundingan ICT. Semua Bahagian, JPN dan Badan Berkanun serta agensi di bawahnya perlu mendapatkan kelulusan teknikal ICT sebelum perolehan inisiatif ICT dilaksanakan.

3. PENUBUHAN DAN PERANAN JPICT KPM

- 3.1 Kementerian, JPN dan Badan Berkanun di bawah KPM bertanggungjawab menubuhkan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) untuk menyelaraskan dan memantau permohonan perolehan, pembangunan dan pelaksanaan inisiatif ICT bagi agensi di bawahnya.
- 3.2 Keahlian JPICT dan bidang tugas JPICT dinyatakan di dalam Pekeliling ICT KPM Bilangan 1 Tahun 2016: Tadbir Urus Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 3.3 Pemilik inisiatif ICT hendaklah melaksanakan **kajian pasaran, penentuan skop, kajian ketersauran dan kajian lain mengikut keperluan** inisiatif bagi memantapkan permohonan perolehan inisiatif ICT. Pemilik inisiatif ICT juga hendaklah melaksanakan Kajian Pasca pelaksanaan [*Post Implementation Review (PIR)*] sekurang-kurangnya **enam (6) bulan selepas keseluruhan inisiatif dilaksanakan (go live)** bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan inisiatif ICT dan mengemukakan laporan PIR kepada JPICT untuk dihantar kepada JTISA. Sebelum inisiatif ICT dipeluas, pemilik inisiatif ICT hendaklah melaksanakan **kajian impak inisiatif ICT** bagi mengenal pasti anggaran keperluan sumber sebenar seperti sumber kewangan, sumber manusia dan keperluan infrastruktur.

- 3.4 Bagi inisiatif ICT yang berimpak tinggi, Bahagian, JPN dan Badan Berkanun di bawah KPM disarankan untuk mendapatkan khidmat perundingan daripada Perunding ICT MAMPU dari peringkat awal perancangan inisiatif bagi mendapat penyelesaian terbaik dan memastikan cadangan keseluruhan inisiatif yang mantap. Ini juga dapat mengelakkan perancangan inisiatif yang condong ke arah cadangan pembekal (*vendor driven*). Permohonan khidmat perundingan Perunding ICT MAMPU hendaklah diselaraskan dan diputuskan oleh JPICT Kementerian.
- 3.5 JPICT semua peringkat pentadbiran bertanggungjawab untuk memastikan semua perolehan inisiatif ICT yang dibuat adalah berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan. Peranan Audit Dalam Kementerian/Agensi boleh dilibatkan bagi tujuan ini.
- 3.6 Semua perolehan ICT juga hendaklah berdasarkan kepada pelan strategik KPM dan pelan strategik ICT agensi masing-masing. JTISA dan JPICT akan memberi keutamaan kepada inisiatif ICT yang telah dirancang dalam pelan strategik KPM dan pelan strategik ICT agensi.
- 3.7 Semua permohonan kelulusan teknikal inisiatif ICT hendaklah mendapat kelulusan peruntukan kewangan sebelum permohonan dikemukakan di peringkat JPICT masing-masing.

4. PENUBUHAN DAN PERANAN JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT (JTI) KPM

- 4.1 KPM bertanggungjawab menubuhkan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) untuk memproses, menilai dan mengesyorkan perakuan teknikal inisiatif ICT semua agensi di bawahnya kepada JPICT KPM.

- 4.2 Keahlian dan bidang tugas JTI adalah seperti di dalam Pekeliling ICT KPM Bilangan 1 Tahun 2016: Tadbir Urus Jawatankuasa Pemandu ICT, KPM.

5. SKOP INISIATIF ICT YANG MEMERLUKAN KELULUSAN TEKNIKAL ICT

- 5.1 Skop inisiatif ICT yang perlu mendapatkan kelulusan teknikal JPICT adalah seperti yang berikut:

(a) Inisiatif Baharu

Inisiatif baharu bermaksud inisiatif pengkomputeran yang melibatkan salah satu gabungan aktiviti perolehan perkakasan, perisian, rangkaian, pengurusan data, pembangunan sistem aplikasi serta perkhidmatan berasaskan ICT untuk membangunkan inisiatif ICT KPM seperti berikut:

- (i) **Pembangunan sistem aplikasi** yang dimaksudkan merangkumi pembangunan sistem aplikasi menggunakan perisian pembangunan, *customization* dan/atau integrasi;
- (ii) **Perkakasan ICT** yang dimaksudkan merangkumi semua jenis perkakasan atau peranti elektronik yang diperlukan untuk melaksanakan sesuatu inisiatif ICT, iaitu peralatan input/output (contoh: pencetak, pengimbas, alat baca biometrik, Suara Melalui IP (*VoIP*), pemprosesan, storan data, multimedia, [contoh: persidangan video (*video conferencing*)], perkakasan komunikasi mudah alih [contoh: jalur lebar tanpa wayar (*wireless broadband*)] dan perkakasan komunikasi berteknologi tinggi (contoh: radar, satelit);

- (iii) **Perisian ICT** yang dimaksudkan merangkumi semua jenis perisian sistem, perisian aplikasi dan lesen perisian (pembelian dan pembaharuan). Perisian sistem merangkumi sistem operasi, pangkalan data dan perisian bagi membangunkan sistem. Perisian aplikasi ialah perisian yang digunakan untuk menyokong kerja-kerja harian dalam urusan pengurusan dan pentadbiran pejabat serta pengajaran dan pembelajaran;
- (iv) **Rangkaian ICT** yang dimaksudkan merangkumi perolehan perkakasan, perolehan perisian dan perolehan perkhidmatan bagi menyediakan kemudahan rangkaian luas [*Wide Area Network (WAN)*], rangkaian setempat [*Local Area Network (LAN)*] dan rangkaian tanpa wayar; dan
- (v) **Perkhidmatan-perkhidmatan lain** berasaskan ICT yang dimaksudkan merangkumi semua jenis perkhidmatan teknikal yang diperolehi daripada syarikat perunding swasta, kontraktor dan syarikat-syarikat lain yang berkaitan. Antara contoh perkhidmatan ICT termasuklah instalasi dan konfigurasi perkakasan, pemasangan sistem, pengurusan perubahan (CM), latihan dan pemindahan teknologi (TOT), pejabat pengurusan inisiatif (PMO), pengurusan data (migrasi, pemurnian, kunci masuk, pemulihan, penukaran), perkhidmatan keselamatan ICT, sewaan perkakasan, perkhidmatan pengehosan (*hosting*), migrasi sistem, langganan maklumat dalam talian dan seumpamanya.

(b) Peningkatan Sistem

Peningkatan sistem bermaksud mempertingkatkan keupayaan, perubahan dan/atau pertambahan skop/ tempoh, *change request (CR)* atau menaik taraf

perkakasan, perisian, rangkaian, aplikasi dan/atau perkhidmatan ICT. Contoh yang dimaksudkan seperti peningkatan perkakasan dari segi konfigurasi dan kapasiti, pengemaskinian fungsi dalam sistem ICT sedia ada kepada tahap yang lebih baik, peningkatan saiz lebar jalur (*bandwidth*) serta peluasan rangkaian, perubahan dan/atau pertambahan skop perkhidmatan sedia ada kepada yang lebih baik dan seumpamanya.

(c) Pertambahan Peralatan

Pertambahan peralatan bermaksud menambahkan bilangan bagi mana-mana perkara di bawah kategori perkakasan, perisian dan/atau rangkaian bagi inisiatif ICT sedia ada.

(d) Peluasan Inisiatif

Peluasan inisiatif bermaksud memperkembangkan pelaksanaan inisiatif ICT dari lokasi sedia ada ke lokasi-lokasi lain atau dengan menambah bilangan pengguna di lokasi yang sama atau pun kedua-duanya sekali.

- 5.2 Perolehan peralatan bukan ICT **boleh dilaksanakan bersama** dengan perolehan inisiatif ICT sekiranya perolehan peralatan bukan ICT menyokong pelaksanaan inisiatif baharu ICT [Contoh: perolehan televisyen litar tertutup *Closed Circuit TV* (CCTV), bekalan kuasa tanpa gangguan [*Uninterruptible Power Supply* (UPS)], rak pelayan dan penyaman udara untuk tujuan membangunkan pusat data atau perolehan inisiatif bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.
- 5.3 Perolehan perkhidmatan penyenggaraan selepas tamat tempoh waranti **tidak boleh dilaksanakan bersama** dengan perolehan inisiatif ICT.

- 5.4 Garis Panduan ini terpakai bagi semua inisiatif ICT agensi Sektor Awam yang dibiayai oleh **peruntukan kewangan Kerajaan Persekutuan** atau inisiatif ICT yang dilaksanakan melalui kaedah **inisiatif pembiayaan swasta [*Private Finance Initiative (PFI)*]/kerjasama awam-swasta [*Public-Private Partnership (PPP)*]** di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (JPM).
- 5.5 Perolehan yang **dikecualikan** daripada mendapat kelulusan teknikal JPICT adalah seperti yang berikut:
- (a) Perkhidmatan penyenggaraan peralatan ICT dan sistem aplikasi;
 - (b) Perkhidmatan ICT yang memerlukan perlanjutan seperti langganan maklumat dalam talian, sewaan talian Internet dan perkhidmatan pengehosan (*hosting*) yang tiada perubahan kepada skop asal tidak perlu memohon kelulusan teknikal JPICT bagi perkhidmatan seterusnya;
 - (c) Perolehan peralatan teknologi baharu dan peralatan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) tertakluk kepada 1PP PK1/2013 Perenggan 6 (x): Garis Panduan Mengenai Penyelarasan Penggunaan dan Perolehan Kemudahan dan Peralatan Teknologi Baru di agensi Kerajaan;
 - (d) Perolehan bagi peralatan bukan ICT yang digabung dengan peralatan ICT untuk tujuan khas seperti perkakasan instrumen saintifik, contoh teleskop di balai cerapan; perubahan contohnya: mesin pengimejan resonans magnetik [*magnetic resonance imaging (MRI)*]; keselamatan, contoh: Sistem Risikan Tentera (*Military Intelligence System*), Sistem Pengukuran Amaran (*Alert Measurement System*), Radio Komunikasi Tentera Kriptografi (*Cryptography Military Communications Radio*); kejuruteraan,

contohnya : Simulator Penerbangan Penuh (*Full Flight Simulator*) dan seumpamanya; dan

- (e) Komponen alat ganti, barang guna habis (*consumable item*), aksesori, perabot komputer, kamera, CCTV, penyaman udara, telefon pintar (*smartphone*) dan seumpamanya.

6. PENGURUSAN NILAI

- 6.1 Semua inisiatif ICT yang bernilai RM50 juta dan ke atas hendaklah melaksanakan Pengurusan Nilai (*Value Management*) seperti Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bilangan 3 Tahun 2009: Garis Panduan Pelaksanaan Pengurusan Nilai (*Value Management*).
- 6.2 Bagi inisiatif ICT yang bernilai kurang daripada RM50 juta, Pengurusan Nilai hendaklah dilaksanakan bagi inisiatif yang berimpak tinggi [contoh: inisiatif yang berorientasikan pelanggan/rakyat (*customer centric project*)] yang diputuskan oleh JTISA.

7. JAMINAN KUALITI

Bagi inisiatif yang kritikal dan berimpak tinggi seperti perolehan Sistem Kewangan dan Perakaunan, agensi hendaklah mengenal pasti keperluan memperoleh khidmat jaminan kualiti/pengujian perisian terhadap perolehan aplikasi/sistem ICT daripada pihak ketiga [*Independent Validation and Verification (IVV)*] selaras dengan 1PP PK2/2013: Kaedah Perolehan Kerajaan – Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan.

8. SISTEM APLIKASI PROFIL INISIATIF ICT (PROFIT)

Sistem Aplikasi PROFIT ialah sistem aplikasi untuk mendaftar dan merekod permohonan perolehan inisiatif ICT, mengemas kini dan

memantau semua inisiatif ICT yang dibangunkan dan dilaksanakan oleh agensi Sektor Awam.

9. TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL INISIATIF ICT

- 9.1 Semua permohonan perolehan inisiatif ICT daripada Bahagian, JPN dan Badan Berkanun di bawah KPM hendaklah mendapat kelulusan JPICIT di peringkat Kementerian dan kelulusan peruntukan daripada agensi pusat yang meluluskan peruntukan kewangan Persekutuan sebelum dikemukakan kepada JTISA.
- 9.2 Bagi inisiatif ICT PFI/PPP di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), JPM, permohonan hendaklah dikemukakan kepada JTISA selepas pelaksanaan Pengurusan Nilai [*Value Management (VM)*].
- 9.3 Format kertas cadangan serta templat slaid pembentangan boleh dirujuk dan dimuat turun dari laman sesawang <http://www.mampu.gov.my> dan melalui Sistem Aplikasi PROFIT.
- 9.4 Semua permohonan perolehan hendaklah mengambil kira pendekatan pelaksanaan dan ciri-ciri inisiatif seperti di **Lampiran B: Panduan Pendekatan Pelaksanaan dan Ciri-Ciri Inisiatif ICT**.
- 9.5 Semua permohonan perolehan inisiatif ICT hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan seperti kajian yang telah dilaksanakan, laporan pengurusan nilai, laporan penggunaan, maklumat spesifikasi perkakasan / perisian dan seumpamanya bagi menyokong permohonan.
- 9.6 Had nilai inisiatif ICT bagi perolehan baru, peningkatan, pertambahan dan peluasan inisiatif ICT yang memerlukan kelulusan seperti yang berikut:

(a) Bagi Permohonan Perolehan Inisiatif ICT yang melibatkan SISTEM APLIKASI:

- (i) Permohonan perolehan inisiatif ICT yang bernilai RM1 juta atau lebih hendaklah mendapat kelulusan teknikal JTISA;
- (ii) Permohonan perolehan inisiatif ICT **yang bernilai RM50,000 atau lebih dan kurang dari RM 1 juta** bagi:
 - a. Peringkat Bahagian di KPM hendaklah mendapat kelulusan teknikal daripada JPICT KPM; dan
 - b. Peringkat JPN dan Badan Berkanun hendaklah mendapat kelulusan teknikal daripada JPICT JPN/Badan Berkanun dan JPICT KPM.
- (iii) Permohonan perolehan inisiatif ICT **yang bernilai kurang RM50,000** bagi:
 - a. Peringkat Bahagian di KPM hendaklah mendapat kelulusan teknikal daripada JPICT KPM;
 - b. Peringkat JPN hendaklah mendapat kelulusan teknikal daripada JPICT JPN dan JPICT KPM; dan
 - c. Peringkat Badan Berkanun hendaklah mendapat kelulusan teknikal daripada JPICT Badan Berkanun.

(b) Bagi Permohonan Perolehan Inisiatif ICT yang melibatkan PERKAKASAN dan/atau PERISIAN dan/atau PERKHIDMATAN ICT:

GARIS PANDUAN TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL INISIATIF TEKNOLOGI
MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

- (i) Permohonan perolehan inisiatif ICT yang bernilai RM5 juta atau lebih hendaklah mendapat kelulusan teknikal JTISA;
- (ii) Permohonan perolehan inisiatif ICT bernilai **RM500,000 atau lebih dan kurang daripada RM5 juta** bagi:
 - a. Peringkat Bahagian di KPM hendaklah mendapat kelulusan teknikal JPICT KPM; dan
 - b. Peringkat JPN/Badan Berkanun hendaklah mendapat kelulusan teknikal JPICT JPN/Badan Berkanun dan JPICT KPM;
- (iii) Permohonan perolehan inisiatif ICT bernilai kurang daripada **RM500,000** bagi:
 - a. Peringkat Bahagian di KPM hendaklah mendapat kelulusan teknikal daripada SUB/TSUB BPM;
 - b. Peringkat JPN/Badan Berkanun hendaklah mendapat kelulusan teknikal JPICT JPN/Badan Berkanun kecuali perkhidmatan rangkaian (*Internet Service Provider-ISP*) bagi JPN yang perlu mendapat kelulusan teknikal daripada SUB/TSUB BPM; dan
- (iv) Bahagian, JPN dan Badan Berkanun di bawah KPM hendaklah memastikan supaya mekanisme pemantauan pelaksanaan perolehan inisiatif ICT diperkemas supaya perolehan yang dibuat adalah berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan.

(c) **Permohonan Perolehan Inisiatif Rintis ICT** yang melibatkan **SISTEM APLIKASI bernilai kurang daripada RM1 juta** dan/atau Permohonan Perolehan Inisiatif Rintis ICT yang melibatkan **PERKAKASAN** (pembelian dan sewaan) dan/atau **PERISIAN** dan/atau **RANGKAIAN** dan/atau **PERKHIDMATAN ICT** bernilai **kurang daripada RM5 juta TETAPI jika anggaran nilai mengambil kira replikasi ke lokasi-lokasi lain masing-masing melebihi RM1 juta dan/atau RM5 Juta** hendaklah mendapat kelulusan teknikal **JTISA**.

9.7 Jadual ringkasan bagi kategori perolehan, skop dan had nilai inisiatif serta peringkat kelulusan teknikal inisiatif ICT adalah seperti di **Lampiran C: Had Nilai dan Peringkat Kelulusan Teknikal Inisiatif ICT**.

9.8 Had nilai kelulusan teknikal inisiatif ICT **tidak termasuk** nilai Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

9.9 Sebelum perolehan inisiatif ICT dilaksanakan oleh Bahagian, JPN dan Badan Berkanun, semua inisiatif ICT mesti mendapat kelulusan teknikal terlebih dahulu berdasarkan tatacara dan peraturan yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan ini. Kegagalan mematuhi peraturan ini akan memberi implikasi kepada proses pembayaran dan penyenggaraan.

10. PEMANTAUAN DAN PELAPORAN KEMAJUAN PEMBANGUNAN INISIATIF ICT YANG DILULUSKAN OLEH JPICT DAN/ATAU JTISA

10.1 Semua pemantauan dan pelaporan kemajuan pembangunan inisiatif ICT yang diluluskan oleh JPICT dan/atau JTISA dilaksanakan melalui Sistem Aplikasi PROFIT.

10.2 Agensi di bawah Kementerian hendaklah memantau dan melaporkan kemajuan pembangunan inisiatif ICT kepada JTI Kementerian. Seterusnya, JTI Kementerian melapor pembangunan inisiatif ICT kepada JPICT Kementerian.

10.3 JPICT Kementerian hendaklah melapor kemajuan pembangunan inisiatif ICT kepada JTISA bagi inisiatif ICT yang diluluskan oleh JTISA.

10.4 Kekekapan pemantauan dan pelaporan kemajuan pembangunan inisiatif ICT adalah **setiap bulan** dari tarikh kelulusan JTISA atau JPICT KPM.

11. PEMANTAUAN DAN PELAPORAN KEMAJUAN PELAKSANAAN INISIATIF ICT YANG DILULUSKAN OLEH JPICT DAN/ATAU JTISA

Semua pemantauan dan pelaporan kemajuan pelaksanaan inisiatif ICT yang diluluskan oleh JPICT dan/atau JTISA dilaksanakan melalui Sistem Aplikasi PROFIT.

12. PENUTUP

Semua Bahagian, JPN, Badan Berkanun dan agensi dibawahnya di KPM hendaklah mematuhi Garis Panduan ini dalam memohon kelulusan teknikal perolehan inisiatif ICT dan memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan inisiatif ICT.

Lampiran A

FORMAT KERTAS PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL INISIATIF ICT

Permohonan yang dikemukakan hendaklah mengandungi perkara-perkara yang ditetapkan dalam format kertas permohonan seperti di bawah:

1. **Tujuan kertas kerja.**
2. Nyatakan sama ada permohonan telah mendapat **kelulusan Jawatankuasa Pemandu ICT Peringkat Kementerian.** (Sertakan dokumen sokongan seperti surat kelulusan ataupun minit mesyuarat).
3. **Peranan dan fungsi utama organisasi** dan kaitannya dengan perolehan ICT yang dicadangkan. *Terangkan bagaimana inisiatif ICT dapat menyumbang kepada Bisnes Teras (Core Business) agensi.*
4. **Pelan Strategik ICT (ISP) Agensi ***
 - 4.1. (Diisi oleh Agensi Yang Telah Menghantar ISP ke MAMPU)
 - 4.1.1 Nyatakan sama ada inisiatif yang dipohon terkandung di dalam ISP. Jika tiada, nyatakan sebabnya.
 - 4.2. (Diisi oleh Agensi Yang Belum Menghantar ISP ke MAMPU)
 - 4.2.1 Maklumat Pelan Strategik ICT
 - (a) Status ISP (Dalam Perancangan/Penyediaan)
 - (b) Tarikh Dijangka Siap
 - 4.2.2 Arah tuju dan status semasa program ICT*
 - 4.2.3 Sumber ICT sedia ada
 - (a) Perkakasan
 - (b) Perisian
 - (c) Infrastruktur rangkaian komunikasi
 - (d) Sistem aplikasi yang digunakan
 - (e) Jumlah personel ICT termasuk kekosongan.

5. Latar Belakang Projek/Ringkasan Projek

6. Rasional yang membawa kepada cadangan inisiatif ICT

- 6.1. Keperluan baru, peluasan (*roll-out*) atau memperbaiki proses atau perkhidmatan yang disediakan oleh organisasi.(Sertakan penerangan mengenai proses yang terlibat)
- 6.2. Masalah perkakasan *
- 6.3. Masalah perisian *
- 6.4. Masalah/kekurangan sistem aplikasi *
- 6.5. Masalah penyelenggaraan *

7. Cadangan Inisiatif ICT

7.1. Keterangan inisiatif/cadangan penyelesaian

- (a) Nama
- (b) Objektif
- (c) Fungsi
- (d) Skop
- (e) Tempoh
- (f) Arkitektur atau gambar rajah inisiatif yang dicadangkan mengikut kesesuaian

7.2. **Perolehan yang dicadangkan (Rujuk Jadual A)**

Bahagian/JPN/Badan Berkanun hendaklah mengambil kira keperluan dari segi pengagihan sebenar perkakasan seperti PC, *notebook*, pencetak dan lain-lain untuk mengelakkan pembaziran.

7.3. **Ciri-ciri inisiatif yang dicadangkan**

Bahagian/JPN/Badan Berkanun hendaklah memperincikan ciri-ciri inisiatif yang dicadangkan berdasarkan jenis-jenis inisiatif ICT di **Lampiran B**.

7.4. **Pelan Pelaksanaan**

(a) **Jadual Pelaksanaan**

Jadual pelaksanaan disediakan dalam bentuk Carta Gantt dan mengandungi perincian bagi setiap fasa dan komponen berserta dengan anggaran tempoh mengikut minggu/bulan. Jadual tersebut juga perlu memasukkan komponen bagi perekaayaan proses (*process reengineering*), pengurusan perubahan (*change management*) dan pemindahan teknologi (*transfer of technology*) jika berkaitan.

(b) **Aspek-aspek keselamatan ICT.**

(c) **Kaedah pelaksanaan (menggunakan sumber dalaman ataupun perkhidmatan pihak luar).**

7.5. **Anggaran kos dan sumber peruntukan untuk membiayai inisiatif dan pecahan kos mengikut butiran. (Sertakan dokumen sokongan kelulusan sumber peruntukan).**

8. **Faedah jangka pendek dan jangka panjang** inisiatif ICT yang dicadangkan. (Nyatakan petunjuk-petunjuk prestasi atau *deliverables* yang dijangkakan dicapai, jika sesuai)

9. **Perakuan** (perakuan pemilik inisiatif ICT berhubung permohonan yang telah dihantar kepada JPICT akan dibuat berdasarkan kepada permohonan yang dikemukakan.)

Pegawai Pengesah

9.1. Nama Pegawai

9.2. Jawatan

9.3. Gred Jawatan

9.4. No. Telefon

9.5. No. Faks

9.6. Alamat e-mel.

10. Maklumat Pegawai Untuk Dihubungi

- 10.1. Nama Pegawai Penyelaras
- 10.2. Jawatan
- 10.3. Gred Jawatan
- 10.4. No. Telefon
- 10.5. No. Faks
- 10.6. Alamat e-mel.

Nota:

Perkara-perkara dalam (*)- hanya perlu diisi mengikut kesesuaian permohonan.

GARIS PANDUAN TACARA PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL INISIATIF TEKNOLOGI
MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jadual A

Senarai Perolehan ICT yang Dicadangkan

BIL	ITEM	KUANTITI UNIT YANG DIPERLUKAN	KOS SEUNIT (RM)	JUMLAH KOS (RM)	JUSTIFIKASI
A	Perkakasan				
B	Rangkaian				
C	Perisian				
D	Pembangunan Sistem Aplikasi				
E	Perkhidmatan (termasuk latihan)				
F	Lain-lain				
	JUMLAH KESELURUHAN (RM)				

Lampiran B

PANDUAN PENDEKATAN PELAKSANAAN DAN CIRI-CIRI INISIATIF ICT

PENDEKATAN PELAKSANAAN INISIATIF ICT
<ol style="list-style-type: none"> 1. Menepati keperluan pemegang taruh (<i>stakeholder</i>)/pengguna (<i>fit for purpose</i>). 2. Mengambil kira aspek keselamatan, pematuhan kepada standard terbuka serta standard sedia ada. 3. Kepakaran dan kapasiti ICT di agensi untuk menyokong pelaksanaan inisiatif. 4. Mengambil kira spesifikasi peralatan terkini di pasaran. 5. Mewujudkan struktur tadbir urus inisiatif untuk menjamin dan mengekalkan kesinambungan inisiatif. 6. Tempoh pelaksanaan yang realistik. 7. Mengambil kira inisiatif ICT Sektor Awam sedia ada bagi memastikan tiada pertindihan.

CIRI-CIRI INISIATIF ICT

Perkakasan/Perisian/ Lesen	Aplikasi	Perkhidmatan	Rangkaian
<ol style="list-style-type: none"> 1. Kesesuaian spesifikasi dengan matlamat penggunaan. 2. Kebolehskalaan (<i>Scalability – start small, expand when needed</i>). 3. Kesesuaian konfigurasi server (<i>should be able to sustain application requirement for a certain period of time</i>). 4. Bilangan unit diperlukan berbanding perjawatan. 5. Menggalakkan perkongsian perkakasan. 6. Nisbah pegawai kepada perkakasan 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Seni bina Perkhidmatan dan Seni bina Maklumat aplikasi. 2. Senarai modul aplikasi. 3. Mematuhi kitar hayat pembangunan sistem. 4. Platform yang dicadangkan. 5. Pangkalan data. 6. Struktur data mengikut standard <i>Data Dictionary</i> Sektor Awam. 7. Integrasi/saling kendali (<i>interoperability</i>) dengan sistem legasi, dalaman dan luaran 8. Pendekatan pelaksanaan (berpusat, teragih, hosting, dan sebagainya). 9. Kepakaran ICT yang ada. 10. Potensi perkongsian pintar. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kaji keupayaan sumber manusia di agensi berbanding dengan perkhidmatan teknikal yang dipohon. 2. Bandingkan kepakaran ICT sedia ada di agensi dengan permohonan perkhidmatan teknikal yang diperlukan. 3. Justifikasi dan perincian setiap perkhidmatan yang diperoleh berserta perincian kos sumber manusia (mandays). 4. Kesesuaian skop inisiatif dengan jenis dan tempoh latihan serta TOT 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Keupayaan infrastruktur rangkaian sedia ada (LAN, WAN). 2. Spesifikasi dan reka bentuk yang dicadangkan/Seni bina Teknologi. 3. Kesesuaian teknologi rangkaian. 4. Keselamatan rangkaian (firewall, router, WAF, switches, IPS, IDS dll.). <p style="text-align: center;"><u>Peningkatan / Peluasan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kekangan infrastruktur sedia ada.

GARIS PANDUAN TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL INISIATIF TEKNOLOGI
MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkakasan/Perisian/ Lesen	Aplikasi	Perkhidmatan	Rangkaian
<p>(1:1) bagi komputer peribadi (PC) atau komputer riba (notebook).</p> <p>7. Senarai agihan perkakasan/perisian serta justifikasi perolehan.</p> <p>8. Pelan pelupusan bagi perkakasan yang hendak diganti.</p> <p>9. Lesen caj sekali atau kos berulang.</p> <p>10. Pematuhan kepada IPv6.</p> <p>11. Ke arah ICT hijau.</p>	<p>11. Kebolehskalaan (<i>Scalability-start small, grow as required</i>).</p> <p>12. Pelan Migrasi.</p> <p>Peningkatan</p> <p>1. Kekangan sistem sedia ada.</p> <p>2. Keperluan tambahan bagi menyokong peningkatan sistem.</p> <p>Peluasan</p> <p>1. Melaksanakan kajian impak inisiatif sedia ada sebelum peluasan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kesiediaan sistem (<i>system readiness</i>); ii. Kesiediaan lokasi dan infrastruktur (<i>location and infrastructure readiness</i>); dan iii. Kesiediaan pengguna (<i>User readiness</i>). <p>2. Pelan peluasan</p>	<p>bagi tujuan penggunaan dan penyelenggaraan sistem</p>	<p>2. Kajian impak termasuk penggunaan jaringan (network utilisation)/prestasi (performance)</p>

10

GARIS PANDUAN TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL INISIATIF TEKNOLOGI
MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Lampiran C

HAD NILAI KELULUSAN TEKNIKAL INISIATIF ICT DI KEMENTERIAN

BIL	INISIATIF		PERINGKAT KELULUSAN			
	KATEGORI PEROLEHAN INISIATIF	SKOP INISIATIF	NILAI INISIATIF(RM) JUTA (J) RIBU (K)	SUB/TSUB BPM	JPICT KPM	JTISA
A	Inisiatif Baharu	1. Pembangunan, naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	< 50K	-	/	-
			≥ 50K hingga < 1J	-	/	-
		2. Perolehan perkakasan dan/atau perisian dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	≥ 1J	-	/	/
			< 500K	/	-	-
B	Peningkatan Sistem	1. Naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	≥ 500K hingga <5J	-	/	-
			≥ 5J	-	/	/
		2. Naik taraf perkakasan dan/atau perisian dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 1J	-	/	-
			≥ 1J	-	/	/
C	Pertambahan Peralatan	Perolehan perkakasan dan/atau perisian dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	/	-	-
			≥ 500K hingga <5J	-	/	-
		1. Peluasan penggunaan sistem aplikasi.	≥ 5J	-	/	/
			< 500K	/	-	-
D	Peluasan Inisiatif	2. Perolehan perkakasan dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	≥ 500K hingga <5J	-	/	-
			≥ 5J	-	/	/

GARIS PANDUAN TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL INISIATIF TEKNOLOGI
MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**HAD NILAI KELULUSAN TEKNIKAL JABATAN PENDIDIKAN NEGERI (JPN)
DAN AGENSI DI BAWAH JPN**

BIL	KATEGORI PEROLEHAN INISIATIF	SKOP INISIATIF	NILAI INISIATIF(RM) JUTA (J) RIBU (K)	SUB/TSUB BPM	PERINGKAT KELULUSAN		JTISA
					JPICT JPN	JPICT KPM	
A	Inisiatif Baharu	1. Pembangunan, naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	< 50K	-	/	/	-
			≥ 50K hingga < 1J	-	/	/	-
			≥ 1J	-	/	/	/
		2. Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	-	/	-	-
			≥ 500K hingga <5J	-	/	/	-
			≥ 5J	-	/	/	/
		3. Perolehan perkhidmatan rangkaian (<i>Internet Service Provider – ISP</i>).	<500K	/	-	-	-
			≥ 500K hingga <5J	-	/	/	-
			≥ 5J	-	/	/	/
B	Peningkatan Sistem	1. Naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi serta perkhidmatan rangkaian.	< 1J	-	/	/	-
			≥ 1J	-	/	/	/
		2. Naik taraf perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	-	/	-	-
			≥ 500K hingga <5J	-	/	/	-
			≥ 5J	-	/	/	/
		3. Naik taraf perkhidmatan rangkaian (<i>internet service provier – ISP</i>).	<500K	/	-	-	-
			≥ 500K hingga <5J	-	/	/	-
			≥ 5J	-	/	/	/
		C	Pertambahan Peralatan	Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	-	/
≥ 500K hingga <5J	-				/	/	-
≥ 5J	-				/	/	/
D	Peluasan Inisiatif	1. Peluasan penggunaan sistem aplikasi.	< 1J	-	/	/	-
			≥ 1J	-	/	/	/
		2. Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	-	/	-	-
			≥ 500K hingga <5J	-	/	/	-
			≥ 5J	-	/	/	/
			≥ 5J	-	/	/	/